



Lembaga Minyak Sawit Malaysia
MALAYSIAN PALM OIL BOARD (MPOB)

Bil. Tuan / Your Ref.: (1)04/C/656/2 Jil.2
Bil. Kami / Our Ref.:

HARI BERTEMU PELANGGAN
SETIAP JUMAAT MINGGU KE-3 SETIAP BULAN
Tempat: Tingkat 4, Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan
Wisma Sawit, MPOB Kelana Jaya
Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgh. &
3.00 ptg. - 4.00 ptg.

9 Januari 2012

Pk (EL) MPOB 01/2012

Semua Pemegang Lesen Kategori Tapak Semaian

Tuan

PENGUATKUASAAN "CODE OF GOOD NURSERY PRACTICE FOR OIL PALM NURSERIES" SEBAGAI SYARAT LESEN BAGI KATEGORI TAPAK SEMAIAN DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (PELESENAN) 2005

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana yang pihak tuan sedia maklum, Peraturan-peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 telah diwarta dan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2006. Penguatkuasaan peraturan ini adalah termasuk syarat lesen yang dikenakan ke atas setiap kategori yang dinyatakan dalam lesen sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 peraturan yang sama dan juga apa-apa syarat yang dikenakan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

3. Mesyuarat Lembaga kali ke-65 yang telah diadakan pada 23 Ogos 2011 telah memutuskan untuk menambah syarat baru bagi kategori tapak semaian. Sehubungan dengan itu, Lembaga mengambil ketetapan untuk menguatkuasakan syarat lesen yang dikenakan ke atas kategori tapak semaian seperti yang diperincikan di dalam **Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 01/2012 [Pk (EL) MPOB 01/2012] mulai 01 Julai 2012.**

Jabatan Pendaftaran dan Pelesenan
Wisma Sawit


Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 603-78035544 • Faks: 603-78034014 • 78061485 • <http://www.mpob.gov.my>
KEMENTERIAN PERUSAHAAN, PERLADANGAN DAN KOMODITI, MALAYSIA

4. Pihak tuan dikehendaki mematuhi syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 Peraturan-peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 dan Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 01/2012 [Pk (EL) MPOB 01/2012] untuk mengelakkan tindakan penguatkuasaan MPOB.

Sekian, terima kasih.

"MESRA, ADIL, TEGAS DAN AMANAH"

Yang benar,



DATUK DR CHOO YUEN MAY
Ketua Pengarah
MPOB

s.k. i. Setiausaha Eksekutif MOPNA



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

Rujukan Pekeliling :Pk (EL) MPOB 01/2012

Tarikh Kuatkuasa :01 JULAI 2012

Perkara :**PENGUATKUASAAN "CODE OF GOOD NURSERY PRACTICE FOR OIL PALM NURSERIES" SEBAGAI SYARAT LESEN BAGI KATEGORI TAPAK SEMAIAN**

1.0 TUJUAN

Untuk memaklumkan penguatkuasaan "Code Of Good Nursery Practice for Oil Palm Nurseries" sebagai syarat lesen ke atas pemegang lesen kategori tapak semaian bagi aktiviti menghasilkan, menjual, mengalih, menyimpan anak benih kelapa sawit, menyimpan biji benih kelapa sawit dan menyimpan tumbuh-tumbuhan daripada tisu kelapa sawit

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan menggalakkan penanaman semula pokok kelapa sawit yang kurang produktif melalui pelbagai program dan yang terkini adalah program transformasi ekonomi melalui NKEA-EPP1. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan hasil sawit ke tahap optimum melalui pemilihan anak sawit yang bermutu tinggi. Bagi memastikan pencapaian objektif tersebut, anak sawit berkualiti tinggi dan penghasilan buah tandan segar (bts) yang optimum adalah untuk memastikan penanaman sawit adalah berdaya saing dan lestari.
- 2.2 Pengusaha tapak semaian sawit merupakan salah satu sub-sektor di peringkat hulu rantai pembekalan minyak sawit. Fungsi utama tapak semaian adalah membekalkan anak benih bermutu tinggi kepada pengusaha-pengusaha tanaman sawit yang terdiri daripada pengusaha estet dan kebun kecil. Menanam anak benih berkualiti serta mempraktikkan pengurusan dan amalan agronomi yang baik akan menghasilkan pokok sawit yang dapat mengeluarkan hasil buah tandan sawit yang tinggi. Ini bermakna pemilihan anak benih adalah kritikal dalam perusahaan sawit yang mempunyai hayat ekonomik dalam lingkungan 25 tahun.
- 2.3 Sehubungan dengan itu, "Code Of Good Nursery Practice for Oil Palm Nurseries" (CoPNN) yang mempunyai kriteria atau elemen keperluan yang lebih ketat dan sistematik hendaklah dilaksanakan sebagai salah satu syarat lesen di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 bagi memastikan pembekalan anak benih kelapa sawit yang sesuai dan berkualiti ditanam oleh pengusaha estet dan kebun kecil sawit.

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 603-78035544 . Faks:603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpob.gov.my>



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

- 2.4 Setelah kajian dibuat dan pandangan industri kelapa sawit diambil kira dalam pengenaan syarat lesen ini, suatu pendekatan telah diambil dengan memutuskan bahawa "Code Of Good Nursery Practice for Oil Palm Nurseries" (CoPNN) hendaklah dilaksanakan secara mandatori.
- 2.5 Susulan daripada itu, Mesyuarat Lembaga kali ke-65 yang telah diadakan pada 23 Ogos 2011 telah memutuskan bahawa "Code Of Good Nursery Practice for Oil Palm Nurseries" (CoPNN) dijadikan sebagai salah satu syarat lesen di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005.

3.0 PENGUATKUASAAN SYARAT LESEN

- 3.1 Lembaga akan menguatkuasakan syarat-syarat lesen bagi pemegang lesen dalam kategori tapak samaian seperti berikut:

"Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa mengguna dan mematuhi amalan baik tapak samaian yang ditentukan oleh Lembaga iaitu "Code Of Good Nursery Practice for Oil Palm Nurseries".

Bersama ini dilampirkan senaskah "Code Of Good Nursery Practice for Oil Palm Nurseries".

- 3.2 Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 memperuntukkan bahawa seseorang pemegang lesen yang tidak mematuhi atau melanggar syarat-syarat lesen yang dikenakan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

4.0 PEMBATALAN

Sehubungan dengan itu, **Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 04/2006 [Pk (EL) MPOB 04/2006]** bertarikh 22 Ogos 2006 berkaitan Penguatkuasaan Garis Panduan Penyediaan Tapak Samaian Anak Benih Kelapa Sawit dan **Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 03/2009 [Pk (EL) MPOB 03/2009]** bertarikh 27 Julai 2009 berkaitan Pindaan Syarat Lesen Yang Dikenakan Bagi Pemegang Lesen Dalam Kategori Tapak Samaian adalah **terbatal**.

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 603-78035544 . Faks: 603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpob.gov.my>



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

5.0 PEMAKAIAN

Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 01/2012 [Pk (EL) MPOB 01/2012] adalah terpakai kepada pemegang lesen kategori tapak semaian.

6.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling penguatkuasaan ini berkuatkuasa mulai **1 Julai 2012**.

7.0 PENGESAHAN & KELULUSAN

DATUK DR CHOO YUEN MAY
Ketua Pengarah
MPOB

Tarikh: 9.1.2012

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 603-78035544 . Faks:603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpob.gov.my>